



## كمترین سومبر ۲ اوتمان دان ڦانچوڻن

KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM

### KENYATAAN MEDIA

#### MAJLIS SEMBAHYANG FARDHU MAGHRIB BERJEMAAH, SEMBAHYANG SUNAT HAJAT, MEMBACA SURAH YASSIN DAN BERTAHLIL SERTA MEMBACA DOA KESYUKURAN SEMPENA HARI PELADANG, PETANI, PENTERNAK DAN NELAYAN 2017

---

Selasa, 12 Safar 1439H bersamaan 31 Oktober 2017M  
Masjid Jame'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah mengadakan majlis Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yassin dan bertahlil serta Membaca Doa Kesyukuran sempena sambutan Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan 2017 pada Hari Selasa, 12 Safar 1439H bersamaan 31 Oktober 2017M bertempat di Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiarong.

Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan ini telah diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa baginda merasmikan Ekspo Pertanian dan Agrimakanan 2009 pada 19 November 2009 bertempat di Taman Agroteknologi Brunei, Kampong Tungku. Dengan pengisytiharan itu, Hari Peladang, Petani, Penternak dan Nelayan telah disambut pada setiap 1 November setiap tahun bagi mengiktiraf dan mengenang jasa-jasa para peladang, petani, penternak dan nelayan dalam peranan mereka selaku penjana makanan bagi negara ini.

Hadir selaku Tetamu Kehormat pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Turut sama hadir di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai dan kakitangan dari Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Juga hadir ialah peladang-peladang, petani-petani, penternak-penternak dan nelayan-nelayan serta pengusaha-pengusaha agrimakanan di seluruh negara.

Aturcara di majlis ini termasuklah Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah diikuti dengan membaca Surah Yassin dan bertahlil dan membaca doa kesyukuran. Majlis berakhir dengan Sembahyang Isya' berjemaah.

**TAMAT.**

Tarikh: 31 Oktober 2017

**Dikeluarkan oleh:**

Unit Perhubungan Awam,  
Bahagian Pengurusan dan Kewangan,  
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan  
Negara Brunei Darussalam